



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

ANUGERAH KHAS *PUBLIC OUTREACH PROGRAM 5 RIVER OF LIFE (ROL)*

KUALA LUMPUR, 16 Disember 2019 – Seramai 31 aktivis tempatan diiktiraf atas sumbangan mereka dalam memulihara Sungai Klang - Program Pendekatan Awam Fasa 5 ROL. Penyampaian anugerah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan. Sebanyak 71 pencalonan diterima bagi anugerah ini daripada pelbagai kategori yang telah dinilai oleh panel hakim dari Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Universiti Kebangsaan Malaysia LESTARI. Anugerah ini turut meraikan rakan - rakan strategik ROL.

Pengiktirafan yang julung kali diadakan di bawah projek ROL ini bertujuan untuk mengiktiraf usaha warga kota atas komitmen dan sumbangan mereka dalam meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan penjagaan sungai. Program pembersihan sungai termasuk program sungai angkat, kebun komuniti, sifar sisa dan sebagainya telah mendapat penyertaan serta penglibatan lebih 10,000 orang awam dan pelbagai organisasi. Anugerah yang diberikan kepada aktivis tempatan ini merangkumi kategori orang awam, institusi pendidikan, pengusaha makanan, golongan peniaga, syarikat swasta/korporat dan media.

Usaha untuk mengubah Sungai Klang adalah tanggungjawab semua pihak dalam menjadikan kawasan sungai serta persekitaran yang sihat dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. POP ROL ini diwujudkan khusus untuk mendapatkan perkongsian serta penglibatan orang ramai bagi aktiviti penjagaan Sungai Klang sehingga dapat mewujudkan *sence of belongings* yang berterusan.

Disediakan Oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
16 Disember 2019**